



**GARIS PANDUAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

PROSIDING RESOLUSI PERTIKAIAN

1. PENGENALAN

1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk:

1.1.1 memberi penerangan berhubung dengan pelaksanaan Prosiding Resolusi Pertikaian (PRP) yang merupakan salah satu platform penyelesaian pertikaian bagi rayuan/permohonan relif yang telah dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

1.1.2 meningkatkan kesedaran akan hak dan tanggungjawab pembayar cukai berhubung salah satu medium penyelesaian bagi rayuan terhadap sesuatu taksiran dan permohonan relif.

1.2 PRP adalah inisiatif LHDNM yang diperkenalkan pada 1 Julai 2013 bagi memberi ruang kepada pembayar cukai menyelesaikan rayuan dan permohonan relif tanpa perlu dikemukakan ke Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) untuk keputusan.

1.3 Dalam konteks LHDNM, PRP merupakan platform penyelesaian pertikaian alternatif yang mana Jabatan Resolusi Pertikaian dan Pejabat Pengarah Negeri, LHDNM bertindak sebagai perantara yang berkecuali (neutral) semasa perbincangan atau prosiding yang diadakan dengan pembayar cukai dalam usaha untuk mencapai penyelesaian luar Mahkamah.

- 1.4 Pembayar cukai boleh memohon untuk diadakan PRP bagi kategori rayuan di bawah:
 - 1.4.1 seksyen 99 Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] (ACP 1967) yang mana pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan sesuatu taksiran yang telah dibuat untuk mana-mana tahun taksiran ke atasnya oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri;
 - 1.4.2 seksyen 97A ACP 1967 iaitu bagi kes tidak kena cukai;
 - 1.4.3 seksyen 109H ACP 1967 (cukai pegangan);
 - 1.4.4 seksyen 43 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) [Akta 543] 1967 (APCP 1967); dan
 - 1.4.5 seksyen 18 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [Akta 169] (ACKHT 1976).
- 1.5 Selain daripada rayuan di atas, pembayar cukai boleh memohon PRP untuk permohonan relif seperti berikut:
 - 1.5.1 kesilapan atau khilaf dalam Borang Nyata Cukai berdasarkan seksyen 131 ACP 1967;
 - 1.5.2 bukan kesilapan atau khilaf di bawah peruntukan seksyen 131A ACP 1967 bagi kes yang dikenakan cukai;
 - 1.5.3 kesilapan atau khilaf berdasarkan seksyen 66 APCP 1967; dan
 - 1.5.4 kesilapan atau khilaf berdasarkan seksyen seksyen 19 ACKHT 1976.
- 1.6 Bagi penjelasan yang lebih lanjut berkaitan rayuan / permohonan relif ke atas taksiran cukai yang dibangkitkan, mohon rujuk kepada Ketetapan Umum Bil. 12/2017 – Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif.
- 1.7 Semua kategori pembayar cukai (individu, syarikat, koperasi, badan amanah, pertubuhan dan kategori-kategori lain) yang mengemukakan rayuan dan permohonan relif seperti di atas boleh memohon untuk mengadakan PRP.
- 1.8 PRP telah mendapat pengiktirafan daripada agensi antarabangsa yang memperakui bahawa PRP bebas, telus dan efektif dalam menyelesaikan pertikaian.

2. OBJEKTIF PRP

- 2.1 Memberi ruang dan peluang kepada pembayar cukai untuk memperjelaskan alasan rayuan/permohonan relif kepada panel PRP yang bebas dan tidak terlibat dalam taksiran yang dibangkitkan.
- 2.2 Memenuhi prinsip keadilan hak pembayar cukai untuk didengar.
- 2.3 Untuk mencapai penyelesaian luar Mahkamah sebelum rayuan/permohonan relif dikemukakan ke PKCP demi menjimatkan masa dan kos kedua-dua pihak, pembayar cukai dan LHDNM.
- 2.4 Memastikan semakan rayuan/permohonan relif yang dijalankan adalah telus dan bebas.

3. PERMOHONAN UNTUK MENGADAKAN PRP OLEH PEMBAYAR CUKAI

- 3.1 Permohonan boleh dibuat:
 - 3.1.1 sebaik sahaja pembayar cukai menerima surat pengesahan penerimaan notis rayuan (Borang Q)/permohonan relif daripada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai. Contoh surat seperti di Lampiran 1.
 - 3.1.2 secara bertulis melalui surat/emel kepada alamat seperti yang dinyatakan di surat pengesahan tersebut.
- 3.2 Surat jemputan PRP akan dikeluarkan oleh LHDNM kepada pembayar cukai.
- 3.3 Pembayar cukai disarankan membawa dokumen berkaitan bagi menyokong rayuan/permohonan relif dan cadangan penyelesaian (sekiranya ada).
- 3.4 Sekiranya pembayar cukai diwakili oleh ejen cukai/peguam/wakil, ejen cukai hendaklah merupakan ejen yang bertauliah di bawah seksyen 153 ACP 1967, manakala peguam/wakil yang dilantik hendaklah mengemukakan surat kuasa daripada pembayar cukai sebelum PRP dijalankan.

4. PENGENDALIAN PRP

4.1 Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP) LHDNM akan mengendalikan PRP bagi fail pembayar cukai yang berada di bawah kendalian:

- 4.1.1 Cawangan Cukai Multinasional
- 4.1.2 Cawangan Industri Khas
- 4.1.3 Cawangan Pembayar Cukai Besar
- 4.1.4 Cawangan Siasatan
- 4.1.5 Jabatan Operasi Khas
- 4.1.6 Jabatan Tindakan Khas

4.2 Lokasi sesi PRP yang dikendalikan oleh JRP adalah:

Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Resolusi Pertikaian
Menara Hasil, Aras 6
Persiaran Rimba Permai
Cyber 8, 63000 Cyberjaya,
Selangor

4.3 Bagi fail cawangan-cawangan SELAIN daripada yang disenaraikan di atas, PRP akan dikendalikan oleh Pejabat Pengarah Negeri (PPN) masing-masing. Lokasi sesi PRP untuk pembayar cukai adalah di Pejabat Pengarah Negeri masing-masing seperti di Lampiran 2.

5. Proses carta alir pelaksanaan PRP adalah seperti di Lampiran 3.

6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung PRP mohon hubungi:

Pegawai Perhubungan Awam
Jabatan Resolusi Pertikaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
No. Tel: 03-83138888 samb. 20610 | No. Fax: 03-83137864

JABATAN RESOLUSI PERTIKAIAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
**** MAC 2019**

LAMPIRAN 1

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
NAMA CAWANGAN XXXXX
ALAMAT CAWANGAN XXXX
ALAMAT CAWANGAN XXXX
ALAMAT CAWANGAN XXXX
ALAMAT CAWANGAN XXXX

Telefon: 99-99999999
Fax: 99-99999999
Pusat Khidmat Pelanggan: 1-800-88-5436
Homepage LHDN: <http://www.hasil.gov.my>

Tarikh : DD/MM/YYYY

NAMA PC XXXXXX
ALAMAT PC XXXXXXX

Tuan,

**PENGESAHAN PENERIMAAN NOTIS RAYUAN KEPADA PESURUHJAYA KHAS CUKAI
PENDAPATAN (BORANG Q)**

NO. RUJUKAN CUKAI : X XXXXXXXX-XX
JENIS TAKSIRAN : ASAL / TAMBAHAN
TAHUN TAKSIRAN : YYYY

Saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Borang Q tuan bertarikh DD/MM/YYYY telah diterima pada DD/MM/YYYY. Borang Q tersebut akan disemak dan dikaji oleh Cawangan/ CSi. Sekiranya tiada persetujuan yang dicapai selepas tempoh 90 hari dari tarikh penerimaan, Borang Q tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan dan keputusan oleh Jabatan di bawah:

Jabatan Resolusi Pertikaian
Menara Hasil, Aras 6, Persiaran Rimba Permai
Cyber 8, Peti Surat 11833
63000 Cyberjaya, Selangor
Tel : 03 – 83138888

3. Pihak tuan boleh memohon untuk mengadakan Prosiding Resolusi Pertikaian dengan Jabatan Resolusi Pertikaian setelah Borang Q dikemukakan ke Jabatan tersebut.

4. Untuk makluman sekiranya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri tidak bersetuju dengan rayuan yang dikemukakan atau tiada persetujuan boleh dicapai melalui Prosiding Resolusi Pertikaian, rayuan Borang Q akan dikemukakan kepada Persuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh DD/MM/YYYY.

Sekian. Terima kasih

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

[XXXXXXXX]
Pengurus Audit / Siasatan
Cawangan XXXXXXX
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Pejabat Pengarah Negeri**Cawangan Kendalian****PPN WP Kuala Lumpur**

Cawangan Duta
Cawangan Tidak Bermastautin
Cawangan Kuala Lumpur Bandar

PPN WP Putrajaya

Cawangan Cheras
Cawangan Wangsa Maju
Cawangan Bangi

PPN Selangor

Cawangan Shah Alam
Cawangan Klang
Cawangan Petaling Jaya

PPN Johor

Cawangan Johor Bahru
Cawangan Kluang
Cawangan Muar

PPN Pahang

Cawangan Kuantan
Cawangan Raub
Cawangan Temerloh

PPN Perak

Cawangan Ipoh
Cawangan Teluk INTan
Cawangan Taiping

PPN Pulau Pinang

Cawangan Pulau Pinang
Cawangan Bukit Mertajam

PPN Kedah / Perlis

Cawangan Kangar
Cawangan Alor Setar
Cawangan Sungai Petani

PPN Terengganu / Kelantan

Cawangan Kuala Terengganu
Cawangan Kota Bharu

PPN Negeri Sembilan / Melaka

Cawangan Seremban
Cawangan Melaka

PPN Sarawak

Cawangan Kuching
Cawangan Miri
Cawangan Bintulu
Cawangan Sibul

PPN Sabah

Cawangan Kota Kinabalu
Cawangan Keningau
Cawangan Tawau
Cawangan Sandakan
Cawangan Labuan

**CARTA ALIR PELAKSANAAN
PROSIDING RESOLUSI PERTIKAIAN**

